



**NOTIS SEBUTHARGA JABATAN KERJA RAYA JEMPOL
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

SEBUTHARGA BIL: SHJ (N) 034/2022

Sebutharga untuk: KERJA-KERJA MENYENGGARA PAVEMEN JALAN (MENURAP SEMULA JALAN) DI JALAN JELAI - ROMPIN (N20) DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DALAM DAERAH JEMPOL

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau PPK, STB dan sijil Pusat Kontraktor Sabah (PUKONSA) (di Sabah) atau PPK, STB dan sijil Unit Pendaftaran Kerja dan Juruperunding (UPKJ) (di Sarawak) dalam Gred G1 Kategori CE Pengkhususan CE01 & CE21. Sila sertakan Surat Kebenaran Khas CIDB bagi kontraktor yang tidak mempunyai kod yang tertera semasa pembelian & penghantaran sebut harga.
2. Borang Sebut Harga boleh didapati dari tarikh **09 Ogos 2022 (Selasa)** hingga **15 Ogos 2022 (Isnin)** di Pejabat Jurutera Daerah, JKR Jempol, Negeri Sembilan Darul Khusus dengan menyertakan **wang tunai** berharga **RM 30.00** yang dibuat di atas nama **Bendahari Negeri (Negeri)** atau **Jabatan Akauntan Negara (Persekutuan)**. **Waktu penjualan borang sebutharga** adalah seperti berikut:

TARIKH	MASA
09/08/2022-15/08/2022	8.30 PAGI – 12.30 TENGAH HARI
12/08/2022 (JUMAAT)	8.30 PAGI – 12.00 TENGAH HARI

3. Lawatan tapak **tiada**. Dokumen Sebut Harga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini Kontraktor dikehendaki membawa perakuan / sijil **ASAL** PPK dan SPKK yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ATAU PPK dan Sijil Pendaftaran PUKONSA / UPKJ serta STB bersertakan satu salinan perakuan / sijil.
4. Borang Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Pejabat Jurutera Daerah, JKR Jempol, Negeri Sembilan Darul Khusus** **tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, pada tarikh 16 Ogos 2022 (Selasa)**
5. Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan kenyataan tawaran ini boleh menghubungi kami [(Urus setia Sebut harga (Naskah Sebut Harga) / Bahagian Jalan (Skop Kerja) / Kew (Pembayaran)] di talian kami 06-4581862/63 dari jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang .

.....
WAN GHAZALI BIN WAN ASMAN SHUKOR

Jurutera Daerah
Jabatan Kerja Raya Jempol

Tarikh: 1/8/22